



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
CAWANGAN KENINGAU**

Tingkat 2, Rumah Persekutuan,
Beg Berkunci No.5
89008 Keningau,
Sabah



Tel : 087 - 331 245 / 339 960
Faks : 087 - 330 449
Laman Web : www.anm.gov.my/index.php/utama-keningau

Rujukan : ANM/KGU/600-15/2/1JLD.8(26)
Tarikh : 22 Januari 2021

Semua PTJ
Daerah Keningau, Tambunan, Tenom & Nabawan

Tuan

**BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2021 KEPADA PEKERJA
SAMBILAN HARIAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada Surat Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia rujukan JPA.800-3/2/1(20) bertarikh 14 Disember 2020 - Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 dan perkara tersebut di atas.

2. Selaras dengan pengumuman Belanjawan 2021, Kerajaan telah bersetuju untuk memanjangkan pembayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2021 sebanyak **RM600.00** kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang masih berkhidmat pada 25 Januari 2021 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut.


3. Sehubungan dengan itu, BKK ini perlu dibayar menggunakan arahan pembayaran tanpa pesanan tempatan (K2) di portal iGFMAS. Pihak PTJ dikehendaki **menyediakan baucar jenis K2 bagi PSH yang layak dan peraku II baucar pada 25 Januari 2021** untuk proses pembayaran oleh Pejabat Perakaunan pada hari yang sama. Kod akaun yang perlu digunakan bagi Bayaran BKK Tahun 2021 adalah **B0229306** - Pemberian Khas Pekerja Sementara atau Sambilan.

Kerjasama dan perhatian tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

Saya yang menjalankan amanah


MIRNAWATI BINTI SYARIPUDDIN C.A (M), CPA (Aust.)
Pengerah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Cawangan Keningau